# Kanta Lekap



*Bukan Sekadar Cantik....*


MAJLIS OPTIK MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## Apakah itu Kanta Lekap?



Kanta lekap  atau kanta sentuh adalah kepingan seakan plastik nipis dan melengkung yang dilekapkan terus ke kornea mata.

Kanta lekap adalah alternatif kepada penggunaan kaca mata untuk memperbaiki penglihatan seseorang yang rabun dan boleh digunakan untuk tujuan teraputik dan kosmetik.

## Adakah penggunaan kanta lekap satu amalan sihat?

Sebenarnya ia bergantung kepada disiplin dan sikap pengguna.

Pemeriksaan mata perlu dilakukan ke atas semua individu yang berhasrat untuk memakai kanta lekap termasuklah kanta lekap berwarna tanpa kuasa bagi menentukan sama ada seseorang itu sesuai/layak atau tidak untuk menggunakan kanta lekap.

Pemeriksaan lanjutan secara berkala selepas pemakaian adalah perlu  bagi memantau tahap kesihatan mata pengguna & kesesuaian kanta lekap.

## Siapa yang mendapat faedah daripada pemakaian kanta lekap?

- Individu yang mempunyai masalah rabun.
- Individu yang aktif bersukan.
- Individu yang mempunyai masalah mata seperti keratokonus, koloboma iris dan sebagainya.



Keratoconus



Rabun





Koloboma iris

Tanpa Kanta Lekap    Dengan Kanta Lekap

## Siapa yang tidak patut memakainya?

- Individu yang menghidap masalah mata seperti konjunktivitis kronik, blefaritis, jangkitan kuman dan mata kering.
- Pesakit diabetes, HIV positif dan penyakit berjangkit lain juga tidak harus menggunakan kanta lekap.
- Individu yang mempunyai tahap kebersihan diri yang rendah.



Blefaritis



Konjunktivitis



Tahap kebersihan diri yang rendah

## Apakah komplikasi yang mungkin berlaku jika seseorang tidak mematuhi aturan pemakaian kanta lekap?

Komplikasi paling berbahaya ialah berlakunya jangkitan kuman pada lapisan kornea mata yang dipanggil ulser kornea dan boleh menyebabkan kebutaan.

Pengguna kanta lekap harus menghentikan serta-merta penggunaan kanta lekap apabila mata menjadi merah, berasa sakit dan penglihatan mula kabur  dan perlu terus berjumpa doktor mata. Rawatan segera perlu diberikan bagi mencegah kebutaan.





Ulser Kornea



Mata Merah

## Apakah pesanan kepada semua pengguna kanta lekap?

- Hanya membeli kanta lekap dari pengamal Optometri yang berkelayakan sahaja.
- Tepati semua temujanji dan minta nasihat dari pengamal Optometri mengenai kanta lekap anda.
- Elakkan daripada memakai kanta lekap di kawasan yang berisiko tinggi untuk menyebabkan kanta lekap tercemar.
- Sentiasa menjaga kebersihan sepanjang pemakaian kanta lekap terutamanya kebersihan tangan dan tempat simpanan kanta lekap anda.





- Jangan berkongsi kanta lekap.
- Jangan sekali-kali memakai kanta lekap melebihi waktu yang disarankan.
- Gunakan larutan pembersih kanta lekap yang disarankan dan jangan sesekali menggunakan air paip.
- Elakkan tidur dengan memakai kanta lekap.





# Bagaimana Untuk Mengenalpasti Pengamal Optometri (Juruoptik atau Optometris Berdaftar) di Malaysia

Adalah menjadi tanggungjawab pengguna untuk memastikan pengamal optometri mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Penuh dan Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan sebelum mendapatkan perkhidmatan kanta lekap.Berikut adalah ciri-ciri yang perlu diketahui oleh pengguna:

| | **Optometris Berdaftar** | **Juruoptik Berdaftar** |
|---|---|---|
| **Pengamal Optometri** | Optometris yang berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia dan merupakan pemegang IJAZAH dalam bidang Optometri, yang berkelayakan untuk menjalankan pemeriksaan mata komprehensif termasuklah mempreskripsi, mendispens dan menjual kanta lekap | Juruoptik yang berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia yang merupakan pemegang DIPLOMA atau SIJIL dalam bidang optometri/pendispensan optik atau mempunyai pengalaman dalam bidang optometri yang berkelayakan untukmenjalankan pemeriksaan mata |
| **Sijil Perakuan Pendaftaran Penuh** | Berwarna hijau | Berwarna biru |
| | Setiap pengamal optometri perlu berdaftar di Majlis Optik Malaysia sebelum menjalankan amalan optometri | |
| **Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (APC)** | Berwarna hijau | Berwarna biru |
| | Perlu diperbaharui oleh setiap pengamal berdaftar setiap tahun | |
| **Sijil Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lekap (Permit Kanta Lekap)** | SEMUA Optometris Berdaftar boleh menjalankan amalan kanta lekap<br><br>Tidak memerlukan Permit Kanta Lekap | SEBAHAGIAN sahaja Juruoptik Berdaftar yang boleh menjalankan amalan kanta lekap (Hanya yang mempunyai Permit Kanta Lekap sahaja boleh menjalankan amalan kanta lekap)<br><br>Sijil berwarna Merah Jambu (dikenali sebagai *Pink Cert*) |
| **Photo Name Certificate (PNC)** | Dikeluarkan hanya kepada pengamal optometri swasta (juruoptik & optometris swasta sahaja)<br>Merupakan sijil bergambar berwarna *cream*<br>Memaparkan jenis amalan yang boleh dijalankan oleh pengamal tersebut beserta tempat amalan. | |

# Contoh Sijil Perakuan Pendaftaran Penuh



BORANG 9
(Peraturan 20)

*AKTA OPTIK 1991*
(Subseksyen 20(4))

PERATURAN-PERATURAN OPTIK 1994

PERAKUAN PENDAFTARAN PENUH OPTOMETRIS

No. Perakuan Pendaftaran Penuh: O-XXXX

ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI bahawa XXXX
(K/P : 999999-99-9999)

yang beralamat di XXXX

mempunyai kelulusan XXXX
(XXXX)

telah pada hari ini didaftarkan sepenuhnya sebagai seorang optometris berdaftar di bawah subseksyen 19(1)/(2) Akta Optik 1991 tertakluk kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Menteri seperti berikut:

CONTOH

Tarikh: ............................................
*Pendaftar*

Fee sebanyak RM100.00 telah dibayar *lihat* resit No. 99999999 bertarikh 99/99/9999

JS701297—PNMB., K.L.

Sijil Perakuan Pendaftaran
Penuh Optometris

Warna : Hijau
No. Pendaftaran : O-xxxx



BORANG 8
(Peraturan 20)

*AKTA OPTIK 1991*
(Subseksyen 20(4))

PERATURAN-PERATURAN OPTIK 1994

PERAKUAN PENDAFTARAN PENUH JURUOPTIK

No. Perakuan Pendaftaran Penuh: J-XXXX

ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI bahawa XXXX
(K/P : 999999-99-9999)

yang beralamat di XXXXX

telah pada hari ini didaftarkan sepenuhnya sebagai seorang juruoptik berdaftar di bawah subseksyen 18(1)/(2) Akta Optik 1991 tertakluk kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Menteri seperti berikut:

CONTOH

Tarikh: ............................................
*Pendaftar*

Fee sebanyak RM100.00 telah dibayar *lihat* resit No. 99999999 bertarikh 99/99/9999

JS701298—PNMB., K.L.

Sijil Perakuan Pendaftaran
Penuh Juruoptik

Warna : Biru
No. Pendaftaran : J-xxxx

## Contoh Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan Optometris



BORANG 15
(Peraturan 22)

[K.K (MOM)]
No. 9999/99999-9

*AKTA OPTIK 1991*
(Subseksyen 32(2))

PERATURAN-PERATURAN OPTIK 1994

**PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN BAGI OPTOMETRIS**

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI bahawa

**XXXX**
**XXXX**

yang tinggal di

**XXX**

iaitu seorang optometris berdaftar sepenuhnya, adalah dengan ini diberikuasa untuk menjalankan amalan sebagai optometris (tertakluk kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat, jika ada, yang dinyatakan dalam Perakuan Pendaftaran Penuh) selama tempoh bermula dari **1 Disember 9999** dan berakhir **31 Disember 9999** di:

(a) **XXXX,**

iaitu tempat amalan utama, dan di:

(b)

iaitu tempat-tempat amalan yang lain.

Tarikh : **3 Disember 9999**

*Pendaftar*

Fee sebanyak RM50.00 telah dibayar lihat resit No. 99999999
Bertarikh **3 Disember 9999**



9999 / 99999

Tahun APC

No. Siri

Nama Pengamal
No. Kad Pengenalan

Tempoh Pengamalan

Alamat Tempat Amalan

Setiap pengamal hanya dibenarkan untuk menjalankan amalan di tempat amalan yang tersenarai dalam APC tahun semasa sahaja

Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan
(APC) Optometris
Warna : Hijau

**APC perlu diperbaharui oleh setiap pengamal berdaftar setiap tahun**

## Contoh Sijil  Perakuan Pengamalan Tahunan Juruoptik



BORANG 14
(Peraturan 22)

[K.K (MOM)]
**No. 9999/99999-9**

***AKTA OPTIK 1991***
(Subseksyen 32(2))

PERATURAN-PERATURAN OPTIK 1994

**PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN BAGI JURUOPTIK**

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI bahawa

**XXXX**
**XXXX**

yang tinggal di

**XXX**

iaitu seorang juruoptik berdaftar sepenuhnya, adalah dengan ini diberikuasa untuk menjalankan amalan sebagai juruoptik (tertakluk kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat, jika ada, yang dinyatakan dalam Perakuan Pendaftaran Penuh) selama tempoh bermula dari **1 Disember 9999** dan berakhir **31 Disember 9999** di:

(a) **XXXX,**

iaitu tempat amalan utama, dan di:

(b)

iaitu tempat-tempat amalan yang lain.

Tarikh : **3 Disember 9999**

*Pendaftar*

Fee sebanyak RM50.00 telah dibayar lihat resit No. 99999999
Bertarikh **3 Disember 9999**



Nama Pengamal
No. Kad Pengenalan

Tempoh Pengamalan

Alamat Tempat Amalan

Setiap pengamal hanya dibenarkan untuk menjalankan amalan di tempat amalan yang tersenarai dalam APC tahun semasa sahaja

Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) Juruoptik
Warna : Biru

**APC perlu diperbaharui oleh setiap pengamal berdaftar setiap tahun**

## Contoh Sijil Kebenaran Mempreskripsi Dan Mendispens Kanta Lekap



No J-XXXX/KL-XXXX

BORANG 17
(Peraturan 24)

*AKTA OPTIK 1991*
(Seksyen 30)

PERATURAN-PERATURAN OPTIK 1994

KEBENARAN MEMPRESKRIPSI DAN MENDISPENS KANTA LEKAP

ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI bahawa XXXX (K/P: 999999-99-9999)

yang tinggal di XXXX

iaitu seorang juruoptik berdaftar sepenuhnya adalah dengan ini dibenarkan mempreskripsi dan mendispens kanta lekap di-

(a) XXXX

sebagai tempat amalan utama, dan di-

(b)

sebagai tempat/tempat-tempat amalan lain.

Tarikh:

..............................................
*Pendaftar*

JS701710—PNMB., K.L.

CONTOH

Nama Pengamal
No. Kad Pengenalan

Alamat Tempat Amalan

Setiap pengamal hanya dibenarkan untuk menjalankan amalan di tempat amalan yang tersenarai dalam APC tahun semasa sahaja

Sijil Kebenaran Mempreskripsi & Mendispens Kanta Lekap
Warna : Merah Jambu

### Preskripsi dan Penjualan Kanta Lekap di Malaysia

Di Malaysia, preskripsi dan penjualan kanta lekap kepada pengguna adalah tertakluk di bawah Akta Optik 1991.Amalan preskripsi, dispensari dan penjualan kanta lekap kepada pengguna dijalankan oleh dua profesyen utama iaitu:

| **1. Optometris Berdaftar** | **2. Juruoptik Berdaftar dengan Permit Kanta Lekap** |
|---|---|
| **SEMUA** Optometris Berdaftar boleh mempreskripsi, mendispens dan menjual kanta lekap (tidak memerlukan Permit Kanta Lekap) | Hanya **SEBAHAGIAN** sahaja daripada Juruoptik boleh mempreskripsi, mendispens dan menjual kanta lekap kepada pengguna. Mereka adalah Juruoptik Berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia yang telah diberi Sijil Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lekap (Permit Kanta Lekap) |

# CONTOH PHOTO NAME CERTIFICATE (PNC) OPTOMETRIS



PEMBERITAHUAN

MAJLIS OPTIK MALAYSIA
(MALAYSIAN OPTICAL COUNCIL)
2012

GAMBAR BERUKURAN PASPORT

XXXX
No. KP: 999999999

Optometris Berdaftar Akta Optik 1991
No. Pendaftaran : O-XXXX
No. Perakuan Pengamalan Tahunan : 2012/03148

dan dibenarkan :

Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Oftalmik di bawah Seksyen 19(1) Akta Optik 1991

dan

Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lekap di bawah Seksyen 29(2) Akta Optik 1991

di

XXXX

Tarikh

Pengerusi
Majlis Optik Malaysia

CONTOH

- Nama Pengamal
- **BOLEH** mempreskripsi dan mendispens Kanta Oftalmik
- **BOLEH** mempreskripsi dan mendispens Kanta Lekap
- Alamat tempat amalan

Photo Name Certificate (PNC)

Warna : Cream

*Sijil bergambar yang dikeluarkan secara tahunan kepada setiap Optometris berdaftar yang menjalankan amalan di praktis swasta*

# CONTOH PHOTO NAME CERTIFICATE (PNC) JURUOPTIK



PEMBERITAHUAN

MAJLIS OPTIK MALAYSIA
(MALAYSIAN OPTICAL COUNCIL)
2012

GAMBAR
BERUKURAN
PASPORT

XXXX
No. KP: 999999-99-9999

Juruoptik Berdaftar Akta Optik 1991
No. Pendaftaran : J-xxxx
No. Perakuan Pengamalan Tahunan : 2012/00133

dan dibenarkan :

Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Oftalmik
di bawah Seksyen 18(2)(a) Akta Optik 1991

di

xxxx

CONTOH

Tarikh

Pengerusi
Majlis Optik Malaysia

PNC-2012/00129
(PERHATIAN : SIJIL INI HANYA SAH DIGUNAKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2012)

Nama Pengamal

**BOLEH** mempreskripsi dan mendispens Kanta Oftalmik **sahaja**

Alamat tempat amalan



PEMBERITAHUAN

MAJLIS OPTIK MALAYSIA
(MALAYSIAN OPTICAL COUNCIL)
2012

GAMBAR
PASPORT

XXXXXXXXXXXXX

No. KP: XXXX-XX-XXXX

Juruoptik Berdaftar Akta Optik 1991
No. Pendaftaran : J-XXXX
No. Kebenaran Memprekripsi dan Mendispens
Kanta Lekap : J-XXXX/KL-XXXX
No. Perakuan Pengamalan Tahunan : 2012/XXXX

dan dibenarkan :

Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Oftalmik
Di bawah Seksyen 18(2)(a) Akta Optik 1991

dan

Memprekripsi dan Mendispens Kanta Lekap
Di bawah Seksyen 30(1) Akta Optik 1991

di

Syarikat xxxxxxxxxx

Tarikh

Pengerusi
Majlis Optik Malaysia

PNC-2012/XXXXX
(PERHATIAN : SIJIL INI HANYA SAH DIGUNAKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2012

Nama Pengamal

**BOLEH** mempreskripsi dan mendispens Kanta Oftalmik

**BOLEH** mempreskripsi dan mendispens Kanta Lekap

Alamat tempat amalan

Photo Name Certificate (PNC)

Warna : Cream

*Sijil bergambar yang dikeluarkan secara tahunan kepada setiap Juruoptik berdaftar yang menjalankan amalan di praktis swasta*

Setiap individu yang berhasrat untuk memakai kanta lekap perlu mendapatkan pemeriksaan mata dan kanta lekap daripada mereka yang dibenarkan sahaja.

Penjualan kanta lekap melalui internet, pasar malam, kedai serbaneka, butik andaman atau oleh mana-mana orang perseorangan yang bukan pengamal optometri yang berkelayakan untuk menjual kanta lekap adalah tidak dibenarkan.

Untuk Maklumat Lanjut
Sila Hubungi :

MAJLIS OPTIK MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
ARAS 2, BLOK E1, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 W.P PUTRAJAYA

Tel : 03-8883 1111
Faks : 03-8883 1432
Emel : moc@moh.gov.my

BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU

Kami Sedia Membantu
Penyayang • Profesionalisme • Kerja Berpasukan